Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Selama lebih sedekad, industri takaful telah berjaya mencatatkan pertumbuhan dua angka dan momentum ini terus kekal pada tahun 2001. Usaha-usaha berterusan Kerajaan untuk memajukan lagi sektor kewangan Islam di samping kempen pemasaran yang agresif oleh pengendali takaful bagi meningkatkan tahap penembusan pasaran takaful yang sebahagian besarnya masih belum diterokai merupakan antara pemangkin utama kepada pertumbuhan ini. Takaful keluarga khususnya telah mencatatkan pertumbuhan yang amat memberangsangkan dan hasilnya aset kumpulan wang takaful terkumpul telah mencecah RM2.4 bilion atau merangkumi 4.6% (2000:2.6%) daripada jumlah aset kumpulan wang industri insurans. Walau bagaimanapun, pengendali takaful kini sedang menghadapi saingan sengit daripada perkembangan pasaran dan citarasa pelanggan yang semakin canggih yang inginkan produk yang lebih berinovatif berbanding dengan produk yang generik. Untuk terus kekal relevan, industri takaful perlu terus memajukan diri mereka dan menempatkan di posisi yang sesuai di persada arus perdana sistem kewangan. Tumpuan harus diberikan untuk mengukuhkan serta mempersiapkan pengendali takaful untuk menjadi lebih efektif, efisien dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran-cabaran ini.

Sejajar dengan perkembangan perniagaan, industri takaful perlu lebih bersedia untuk memenuhi kapasiti yang semakin meningkat. Kumpulan wang takaful yang semakin membesar perlu diuruskan secara berhemat dan berkesan. Suasana pasaran global dan pelaburan pasaran kewangan yang kurang cergas ketika ini telah memberi cabaran serius kepada pengendali takaful bagi memperolehi pulangan yang munasabah dan nilai aset yang berpatutan. Oleh yang demikian, strategi pelaburan perlu diperkukuhkan manakala ujian tekanan ke atas unjuran prestasi kewangan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan perniagaan takaful dapat mengekalkan kemapanannya.

Meskipun industri takaful terus kekal kukuh, tahap penembusan pasaran pada keseluruhannya masih lagi rendah iaitu 2.8% berbanding dengan industri konvensional yang telah mencapai 31.5%. Oleh itu, industri takaful perlu mempergiatkan usaha-usaha pemasaran untuk meneroka peluang-peluang baru dan mempromosikan takaful sebagai satu alternatif yang berdaya maju, terutamanya kerana insurans konvensional mempunyai rekod penguasaan yang teguh dan semakin maju dari segi kecanggihan dan kedayatahanannya. Yang sedemikian amatlah penting inovasi produk, penanda aras dan perkhidmatan pelanggan industri takaful terus dipertingkatkan. Perkara-perkara ini merupakan elemen-elemen penting bagi mana-mana pelanggan sebelum membuat sebarang pilihan terutamanya bagi produk takaful. Dengan globalisasi dan liberalisasi sektor kewangan, pengendali takaful perlu berusaha lebih gigih dalam memastikan takaful bukan sahaja akan terus kekal relevan tetapi dapat bersama-sama menjadi peserta yang aktif dalam pasaran kewangan.

Pada bulan Mac 2001, Bank Negara Malaysia telah melancarkan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) yang turut memaparkan satu bab khusus untuk perbankan Islam dan

takaful. Syor dan cadangan spesifik telah dirangka untuk memacu tahap penembusan pasaran takaful di dalam negara. Antara cadangan yang akan diberi tumpuan ialah pembangunan rangka kerja penyeliaan, pembangunan produk dan pasaran, rangka kerja Syariah dan perundangan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran.

Salah satu daripada pencapaian pengendali takaful yang signifikan ialah keupayaan mereka meraih syer pasaran yang besar dalam Skim Anuiti Takaful Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang diperkenalkan pada bulan Julai 2000. Pengendali takaful memperoleh sumbangan berjumlah RM1.2 bilion daripada keseluruhan premium skim anuiti yang berjumlah RM4.1 bilion. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak meneruskan lagi skim ini dalam tahun 2001. Namun, kejayaan besar skim ini membuktikan bahawa terdapat potensi pasaran yang amat menggalakkan bagi produk skim pencen di Malaysia. Justeru, penyelidikan dan pembangunan produk yang berterusan adalah penting dalam industri takaful supaya lebih banyak produk-produk yang menepati kehendak Syariah dapat dilahirkan untuk memenuhi keperluan pelanggan.

Seiring dengan aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi perkhidmatan kewangan Islam, pengetahuan luas serta kemahiran tinggi adalah mustahak sebagai pra-syarat untuk mewujudkan sekumpulan kakitangan industri yang berkaliber. Bagi maksud ini, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia telah ditubuhkan bagi melaksanakan peranan sebagai pusat latihan penyelidikan dan latihan terunggul bagi sektor kewangan Islam. Takaful telah dikenal pasti untuk menjadi komponen utama di dalam program institusi tersebut. Institusi pengajian tinggi juga telah menunjukkan minat yang semakin memberangsangkan berikutan program pengajian dalam perbankan Islam dan takaful semakin banyak dirangka dan ditawarkan. Tidak syak lagi, perkembangan ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan lagi jumlah mereka yang berkemahiran dalam bidang perbankan Islam dan takaful.

Dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan di kalangan masyarakat, Minggu Perbankan Islam dan Takaful telah diadakan daripada 26 Oktober hingga 2 November 2001. Kempen selama seminggu yang dijalankan di seluruh negara memberi tumpuan kepada program kesedaran pengguna dan program-program pendidikan bertujuan untuk membina imej yang berkesan serta miningkatkan visibiliti perbankan Islam dan takaful.

Selaras dengan matlamat negara untuk menuju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, pengendali takaful perlu melengkapkan diri mereka dengan teknologi terkini. Kemajuan di dalam teknologi telah mengubah amalan-amalan perniagaan dan saluran pemasaran dan adalah membanggakan bahawa pengendali-pengendali takaful telah maju setapak lagi dalam bidang ini termasuk menceburi bidang e-dagang.

Industri takaful di Malaysia telah berjaya mengharungi cabaran-cabaran dalam pasaran yang penuh dengan persaingan ini. Dalam merancang untuk masa hadapan, pengendali takaful perlu membuat usaha-usaha pembaikan, memperhebatkan usaha dan terus berkembang supaya keupayaannya sebagai satu alternatif yang berdaya maju akan terserlah dan mampu mencapai aspirasi yang digariskan di dalam PISK.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

1 Mac 2002